

Pelabur saham tidak harus keterlaluan

UM 25 JUN 2002

KUALA LUMPUR 24 Jun — Para pelabur pasaran saham tidak seharusnya 'bertindak keterlaluan' jika berlaku perubahan dalam pucuk kepimpinan UMNO dan negara.

Penyelidik Pasaran MIDF Sisma Securities Abdul Halim Wahab berkata ini kerana UMNO kini berada dalam keadaan yang lebih kuat berbanding sebelumnya.

"Perdana Menteri tidak mungkin memulakan proses pertukaran ini jika beliau berpendapat keadaan tidak sesuai.

"Oleh itu, para pelabur tidak seharusnya bertindak keterlaluan," jelas beliau ketika dihubungi di sini hari ini.

Pada akhir dagangan hari ini indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menurun 16.85 mata untuk ditutup pada 726.50 mata.

Abdul Halim menambah, walaupun Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dilaporkan menarik balik hasratnya untuk meletak jawatan, proses penukaran kepimpinan telah bermula di peringkat tertinggi UMNO.

Dalam keadaan ini, katanya, beliau pasti soal peralihan kepimpinan akan menjadi tumpuan

utama pelabur dalam beberapa minggu akan datang.

Menurut beliau, Dr. Mahathir telah berlepas keluar negara untuk bercuti selama 10 hari dan sehingga beliau kembali, pelabur akan terus mencari-cari penjelasan tindakan Perdana Menteri seterusnya.

Sementara itu, seorang penganalisis pasaran meramalkan, BSKL dijangka 'lembap' untuk sekurang-kurangnya beberapa hari akan datang.

Franklin Tan, seorang penganalisis dari OCBC Securities berkata, fenomena hujung minggu lalu telah menimbulkan kekeliruan di kalangan peserta pasaran yang dipercayai akan berterusan untuk satu jangka masa pendek.

"Walaupun terdapat sesuatu yang menarik dijangka diumumkan esok namun para peserta pasaran dijangka mengambil pendirian meminggirkan diri hingga Dr. Mahathir sendiri menjelaskan keadaan," katanya.

Seorang lagi penganalisis berkata, walaupun berlaku pertukaran pemimpin tertinggi Malaysia namun ia tidak akan menyaksikan perubahan dasar ekonomi.